KEMENTERIAN KESIHATAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 26/2013 (23 hingga 29 Jun 2013)

"Penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan Awam

- Ops Gempur Aedes Bermula 8 Julai 2013"

Pada minggu ke 26, jumlah kes yang dilaporkan terus meningkat sebanyak 9% iaitu kepada 715 kes daripada 658 kes yang dilaporkan pada minggu sebelumnya. Pada minggu lepas 2 lagi kematian dilaporkan daripada Perlis dan Pulau Pinang, melibatkan seorang surirumah berusia 45 tahun dan seorang pengurus berusia 80 tahun. Kedua-dua pesakit tersebut meninggal dunia akibat *Dengue Shock Syndrome*.

Jumlah keseluruhan kes dan kematian pada tahun ini telah melebihi jumlah yang dilaporkan pada tempoh yang sama tahun 2012. Sehingga 29 Jun 2013, sebanyak 12,858 kes dilaporkan berbanding 11,794 kes pada tahun lepas iaitu meningkat 9% atau 1,068 kes. Kematian yang dilaporkan adalah sebanyak 27 iaitu melebihi 3 kematian berbanding tahun lepas (24 kematian). (Lampiran A)

Bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti kawalan denggi, Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengadakan 'Ops Gempur' iaitu penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975,

diseluruh negara bermula 8 Julai 2013. Operasi ini akan dijalankan secara serentak di daerah dan lokaliti-lokaliti *hotspot* dan wabak di setiap negeri.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mempaparkan maklumat aktiviti penguatkuasaan di dalam laman web http//www.moh.gov.my iaitu di crawler dan di dalam 'Maklumat Terkini' termasuk lokaliti wabak yang akan dijalankan aktiviti penguatkuasaan ini. Kementerian Kesihatan Malaysia memohon kerjasama masyarakat terutamanya di kawasan lokaliti hotspots dan wabak denggi (Lampiran D) untuk memastikan premis masing-masing bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes. Tindakan kompaun maksima RM500 di bawah Seksyen 25 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 boleh dikenakan kepada pemilik premis jika didapati membiakkan jentik-jentik aedes. Selain itu, Notis Sekyen 8 di bawah akta yang sama akan dikeluarkan bagi premis yang mempunyai banyak bekas atau takungan berpotensi untuk pembiakan nyamuk. **"Bersama KKM Membenteras Denggi"**

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

1 Julai 2013

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 26/2013
(23 Jun hingga 29 Jun 2013)

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 26/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 26/2012
		Minggu 26 (23 – 29 Jun 2013)	Minggu 25 (16 – 22 Jun 2013)		
1	Perlis	13 (1)	5	114 (1)	104
2	Kedah	28	31	408 (1)	424 (3)
3	P. Pinang	14 (1)	18	336 (2)	439 (1)
4	Perak	36	41	934	806 (2)
5	Selangor	308	293 (1)	5,600 (6)	5,422 (11)
6	WPKL & Putrajaya	66	44 (1)	1,065 (6)	1,129 (3)
7	N. Sembilan	14	15	294	219 (1)
8	Melaka	21	11	241 (1)	298
9	Johor	123	116	1,660 (7)	846 (1)
10	Pahang	10	11	269	359 (1)
11	Terengganu	10	9	147	403
12	Kelantan	36	25	657	601
13	Sarawak	20	29	786 (2)	495
14	Sabah	15	10	343 (1)	241 (1)
15	WP Labuan	1	0	4	8
	Jumlah	715 (2)	658 (2)	12,858 (27)	11,794 (24)

Nota: ( ) Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI *WABAK TIDAK TERKAWAL* DILAPORKAN PADA MINGGU 26 BAGI TAHUN 2013

Bil	Negeri	Daerah/Zon / PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
1	Selangor	Hulu Langat	Taman Bukit Permai	6	28	14.3 %
2	Selangor	Petaling	Seksyen 2, Shah Alam	6	19	9.1 %
3	Selangor	Petaling	PJS 10 Kondo Riduan	5	26	1.4 %
4	Selangor	Petaling	PJS 7 Flat Kos Rendah	5	19	1.1 %

Lampiran C

SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN PADA MINGGU 26 BAGI TAHUN 2013

Bil	Negeri	Daerah/Zon / PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
1	Selangor	Petaling	Seksyen 7E B Shah Alam	19	43	3.7%
2	Selangor	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	9	42	2.2%

Lampiran D

SENARAI LOKALITI OPS GEMPUR AEDES SELURUH MALAYSIA
PADA 8 JULAI 2013

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti
1	Sabah	Kota Kinabalu	1. Taman Kinabalu 2. Taman Land Breeze
2	Sarawak	Kuching	1. Kg. Tabuan Foochow
3	Perlis	Kangar	1. RPA Arau
4	Kedah	Taman Bersatu	1. Taman Bersatu, Kuala Kedah
5	Pulau Pinang	Barat Daya	1. Persiaran Mayang Pasir 2. Medan Mahsuri
6	Perak	Kinta	1. Taman Ampang 2. Kg. Tersusun Tasek Permai
7	Negeri Sembilan	Seremban	1. Taman Garden Avenue, Seremban 2 2. Taman Semarak, Nilai
8	Selangor	Shah Alam	1. Seksyen U12, Taman Desa Alam A 2. Seksyen U5 Pangsapuri Jasmin 3. Seksyen U5 Pangsapuri Subang Suria 4. Seksyen 2, Shah Alam
9	WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Lembah Pantai	1. Taman Gembira D (Jln Riang 1-8) 2. Taman Gembira (Jalan Jiran 7-12) 3. Wangsa Maju Seksyen 5 (Apt Waizuri 1)
10	Melaka	Melaka Tengah	1. Jalan suria, Taman Malim Jaya
11	Johor	Johor Bharu	1. Taman Cempaka 2. Taman Melor 3. Taman Kota Puteri
12	Pahang	Kuantan	1. Taman Peramu Maju 2. Taman Impian Ku
13	Terengganu	Kuala Terengganu	1. Jln Chendering, Kg. Pantai Pandak
14	Kelantan	Kota Bharu	1. Jalan Bayam 2. Bandar Baru Kubang Kerian
15	Labuan	Mukim Batu	1. Kg. Batu Arang